

1,906 murid tidak dapat teruskan sesi persekolahan di Kuala Baram

## Dua sekolah ditutup akibat jerebu

**MIRI** - Seramai 1,906 murid termasuk 50 murid prasekolah dari dua sekolah rendah tidak dapat meneruskan sesi persekolahan semalam selepas keadaan jerebu semakin buruk di kawasan Kuala Baram.

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBNS) Sarawak, Mejar Ismail Mahedin daripada Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Sarawak berkata, dua sekolah itu ialah Sekolah Kebangsaan (SK) Kuala Baram 2 dan Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Chung Hua Tudan.

"Sesi persekolahan terpaksa dihentikan kerana indeks pencemaran udara (IPU) semakin buruk iaitu melebihi 232 dengan sekolah paling teruk SJK Chung Hua Tudan yang terletak berhampiran Institut Latihan Perindustrian (ILP) Miri," katanya



ANGGOTA bomba bertungkus lumus memadam kebakaran di kawasan tanah gambut yang menjadi punca jerebu di Miri, Sarawak.

dalam satu kenyataan semalam.

Ismail berkata, terdapat 50 murid prasekolah, 556 murid serta 45 guru di SK Kuala Baram 2, manakala SJK Chung Hua Tudan mempunyai seramai 1,300 murid dan 64 orang guru. "Kawasan persekolahan di-

landi jerebu teruk akibat kebakaran hutan dan tanah gambut semakin teruk," katanya lagi.

Menurut data dikeluarkan Jabatan Alam Sekitar (JAS), bacaan IPU di ILP Miri petang semalam berada pada tahap berbahaya iaitu 412, manakala

IPU di SK Kuala Baram 2 merekodkan bacaan IPU 225 iaitu sangat tidak sihat.

Menurutnya, jumlah titik panas yang dikesan setakat ini ialah dua di Sarawak, 22 di Kalimantan dan 18 di Sumatera.

Sementara itu, Ketua Jabatan Bomba dan Penyelamat Miri, Law Poh Kiong berkata, operasi pemadaman api di kawasan terjejas akan diteruskan dengan menggunakan helikopter Bomba dan pesawat Bombardier milik Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang dibahagikan kepada tiga sektor.

Poh Kiong berkata, helikopter bomba akan memadamkan kebakaran menggunakan kaedah bom air di sekitar kawasan sektor 2 berhampiran dengan ILP Miri.

Katanya, pesawat Bombardier masih meneruskan pemadaman di sektor 3. - Bernama

### INFO Petunjuk IPU

#### Tidak Sihat

- ILP Miri, Sarawak (412)
- SK Kuala Baram, Sarawak (225)

#### Sederhana

- Seri Manjung, Perak (66)
- Putrajaya (67)
- Seberang Jaya, Pulau Pinang (53)
- Klang, Selangor (75)
- Kuantan, Pahang (87)
- Batu Muda, Kuala Lumpur (74)
- Nilai, Negeri Sembilan (81)
- Alor Gajah, Melaka (78)

0 hingga 50 (baik)  
51 hingga 100 (sederhana)  
101 hingga 200 (tidak sihat)  
201 hingga 300 (sangat tidak sihat)  
Lebih 300 (bahaya)

- Setakat pukul 6 petang semalam